



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KETUA EKSEKUTIF
CHIEF EXECUTIVE
Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran
Skills Development Fund Corporation
Kementerian Sumber Manusia
Ministry of Human Resources
Pejabat Ketua Eksekutif
Aras 27, Menara Dato' Onn
Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL)
No. 45, Jalan Tun Ismail, 50530 Kuala Lumpur



Telefon : 03 – 4051 6009
E-mel : skillsfund@ptpk.gov.my
Laman Web : <http://www.ptpk.gov.my>

Ruj. Kami : PTPK.PLS.600-1/9 JLD 6 (45)

Tarikh : 7 Januari 2025

Ketua Eksekutif/Pengarah/Pengurus
Penyedia Latihan Berdaftar Dengan PTPK

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

MAKLUMAN URUSAN PENGHANTARAN DOKUMEN PERMOHONAN DAN PERJANJIAN LATIHAN KEMAHIRAN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Seperti semua sedia maklum, perayaan Tahun Baru Cina 2025 akan disambut pada 29 Januari 2025 (Rabu). Sehubungan dengan itu, YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan diminta untuk mengemukakan dokumen permohonan dan perjanjian latihan kemahiran yang lengkap kepada pihak Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran **selewat-lewatnya sebelum atau pada 17 Januari 2025 (Jumaat)** bagi membolehkan semakan dan pembayaran Yuran dan Kos Sara Hidup dibuat sebelum perayaan ini.

3. Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah diharapkan bagi membolehkan pembayaran dibuat mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Kegagalan pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan berbuat demikian akan menyebabkan pembayaran dibuat selepas perayaan tersebut dan Perbadanan tidak akan bertanggungjawab ke atas perkara ini.

Sekian dimaklumkan dan terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Pekerja Kesuma Bangsa”

Saya yang menjalankan amanah,

(MOHD FATHULLAH BIN MUSTAFA)

Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran
Kementerian Sumber Manusia

